

07/07/1998

40 juta kes HIV menjelang tahun 2000

KEGAWATAN ekonomi dikatakan turut memberi kesan kepada usaha menentang Aids di Asia dan dijangka dalam tempoh beberapa tahun akan datang, penyakit itu akan cepat merebak.

"Dengan kegawatan ekonomi yang dijangka akan dialami lebih panjang, kesedaran terhadap HIV/Aids semakin rendah atau dalam sesetengah kes ia seolah-olah ghaib," kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir pada Persidangan Tahunan Aids Ke 12, di Geneva, Switzerland. Marina turut memberi amaran bahawa wabak itu mungkin menyekat usaha memulihkan ekonomi.

Beliau berkata, sebelum mengalami kegawatan ekonomi lagi, kebanyakan negara Asia lambat bertindak apabila mereka mampu mengadakan program pencegahan Aids yang baik.

Kini dengan Asia menghadapi masalah ekonomi, wajar diadakan satu perubahan pada keutamaan dan potongan ketat dalam program yang sederhana sejak mula.

"Saya mengambil berat sepenuhnya mengenai hal ini," kata Epidemiologis Kanan program Aids Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Uniaids), Bernhard Schwartla Ender.

"Malah di negara kaya, perbelanjaan untuk kesihatan umum adalah perkara pertama yang akan dipotong dalam keadaan ini," katanya.

Marina berkata potongan harga yang dibuat oleh sesetengah syarikat ke atas rawatan Aids yang mahal untuk faedah negara membangun sedikit sebanyak memberi kesan terhadap Asia kerana penurunan nilai mata wang.

"Dalam sesetengah kes, di sebalik harga yang rendah, kos sebenar boleh meningkat," katanya. Pakar Aids menjangka Asia akan mencapai angka 40 juta kes HIV menjelang tahun 2000 tetapi Schwartlaender berpendapat tidak seperti Afrika, di mana dua pertiga daripada penghidap Aids tinggal, banyak negara Asia mempunyai sumber untuk berbuat sesuatu mengenainya.

"Infrastruktur di Asia adalah lebih baik. Secara umumnya negara-negara Asia adalah lebih baik," katanya.

(END)